

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]**

**TARIKH JAWAPAN :  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kadar air tidak berhasil (*non-revenue water*) setiap negeri dalam seluruh negara dalam tempoh 10 tahun terdekat dan memberi penjelasan berhubung pembaziran air yang masih tidak ditangani.

## JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

1. Purata kadar air tidak berhasil atau NRW pada tahun 2013 bagi operator-operator air di bawah seliaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ialah 36.6%. Secara amnya Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Pahang, Perlis dan Terengganu telah mencatatkan penurunan kadar NRW, manakala Kedah, Wilayah Persekutuan Labuan, Pulau Pinang, Perak dan Selangor mencatatkan peningkatan kadar NRW masing-masing. Bagi tempoh 10 tahun (2004-2013), kadar NRW bagi setiap negeri adalah seperti di **Jadual 1**.
  
2. Pada masa ini, operator-operator air terlibat sedang melaksanakan program mengurangkan kadar NRW secara holistik melalui langkah-langkah berikut:
  - i. menjalankan aktiviti pengesanan dan membaiki kebocoran secara aktif dan komprehensif;
  - ii. mewujudkan *District Metering Zones* (DMZ) dengan keutamaan diberikan kepada zon-zon kebocoran;
  - iii. melaksanakan pengurusan tekanan air yang sistematik dalam sistem bekalan air;

- iv. memastikan penggunaan bahan-bahan yang berkualiti, *workmanship* yang baik dalam pelaksanaan program pengurangan kadar NRW; dan
  - v. menukar meter-meter dan paip air yang telah berusia dan uzur secara berterusan dan sistematik.
3. Program pengurangan kadar NRW ini memerlukan pelaburan dan komitmen operator-operator air secara berterusan. Ia tidak boleh dilaksanakan secara projek. Ia perlu diambil perhatian oleh ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan operator air.
4. Untuk membantu operator-operator air melaksanakan program pengurangan NRW secara berkesan, SPAN telah menetapkan supaya setiap operator air mempunyai program penurunan kadar NRW yang sistematik. Program tersebut dilaksanakan mengikut jadual dan *Key Performance Indicator (KPI)* yang telah ditetapkan agar pengurangan kadar NRW dapat mencapai sasarannya. Sehubungan dengan ini, pendekatan '*carrot and stick*' akan digunakan bagi merangsang operator-operator air bekerja keras untuk menurunkan NRW masing-masing. Ini bermakna operator yang cemerlang akan mendapat '*reward*', dalam bentuk pertimbangan kenaikan tarif dan sebagainya, sementara operator

yang gagal mematuhi sasaran KPI tidak mendapat faedah dari insentif yang disediakan.

5. Antara aspek-aspek yang diberi perhatian bagi membantu mengurangkan kadar NRW adalah seperti berikut:
  - i. memastikan bahawa setiap operator bekalan air memahami konsep secara menyeluruh strategi pengurusan kebocoran di dalam sistem rangkaian paip serta melaksanakan program NRW secara holistik dan berterusan;
  - ii. memastikan setiap operator memberi penekanan serta keutamaan dalam menangani NRW, iaitu mewujudkan pasukan pengawalan kebocoran secara aktif termasuk tindakan pantas pembaikan kebocoran, memperkenalkan pengurusan tekanan di dalam sistem rangkaian agihan dan sistem pengurusan aset yang berkesan;
  - iii. memastikan produk-produk yang digunakan dalam sistem bekalan air berkualiti dan mematuhi standard tempatan dan antarabangsa; dan
  - iv. menjalankan audit teknikal ke atas program-program NRW yang dijalankan oleh operator.

\*\*\*\*\*